

Baca cerita di bawah dan isikan perbelanjaan hariannya pada jadual dibawah. Kira jumlah pendapatan, perbelanjaan dan simpanannya selama seminggu

Ali bersekolah di SK Gembut. Setiap hari ayahnya memberikan **RM5.00** sebagai wang saku belanja sekolah. Pada hari **Ahad** dan **Selasa** dia membelanjakan **RM2.50** dari wang sakunya.

Hari **Isnin** dan **Khamis** dia membelanjakan sebanyak **RM3.00** dan pada hari **Rabu** dia tidak berbelanja. Hari **Jumaat** dia mendapat upah sebanyak **RM2.00** kerana mencuci pinggan. **RM1.00** dari wang tersebut **didermakan** di tabung masjid semasa sembahyang Jumaat.

Pada hari **Sabtu** dia mendapat **RM3.00** kerana menyiram pokok bunga dan menyapu halaman. Dia membeli ais-krim pada petangnya berharga **RM1.00**.

Hari	Dapat (RM)	Belanja (RM)	Simpan (RM)
Ahad	5.00	2.50	2.50
Isnin			
Selasa			
Rabu			
Khamis			
Jumaat			
Sabtu			
Jumlah mingguan			

Pilih "YA" atau "Tidak" pada kepentingan merekod wang wang simpanan dan perbelanjaan

Perbuatan	Ya atau Tidak
Boleh berbelanja berlebihan	
Kehendak didahulukan	
Simpan wang untuk masa hadapan	
Selalu berhutang	
Keperluan didahulukan	
Kawal Perbelanjaan	
Membeli barang mewah	
Elak berhutang	
Menderma	
Pinjam wang kawan	